AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : KESIHATAN

Tahan bersin jejas kesihatan

Kajian dedah kesan kepada tekak, gegendang telinga akibat tekanan dalaman

Paris

Penyelidik Perancis mendedahkan, menahan bersin boleh menyebabkan tekak, gegendang telinga atau saluran darah dalam otak pecah.

Kajian diterbitkan jurnal perubatan BMJ Case Reports menjelaskan, perbuatan menahan bersin boleh menyebabkan berlaku tekanan dalaman yang menjejaskan kesihatan.

Memberi contoh satu kes yang berlaku sebuah hospital di Leicester, England, baru-baru ini, penyelidik berkata, lelaki berusia 34 tahun itu berhadapan komplikasi kesihatan kerana menahan bersin.

Imbasan Tomografi Berkomputer (CAT), dijalankan ke atas lelaki itu menunjukkan, belakang tekaknya terkoyak dan terbuka akibat menahan bersin.

Lelaki itu, yang tidak boleh menelan atau bercakap, dimasukkan ke hospital dan diberi makan serta antibiotik menggunakan tiub. Beliau dibenarkan keluar hospital selepas seminggu dirawat.

Tindak balas refleks

AFP melaporkan pakar perubatan berkata, menahan bersin boleh menyebabkan udara terperangkap dalam paru-paru dan memecahkan aneurisme serebrum, iaitu salur darah bengkak seperti belon dalam otak.

Sementara itu, Pakar Perunding Bedah Otorhinolaringologi, Hospital Pakar KPJ Selangor, Dr Mohd Zabri Affendi Muhamad, berkata bersin adalah tindak balas refleks yang normal dan semula jadi bagi semua individu.

Bersin adalah tindak balas refleks yang normal dan semula jadi bagi semua individu"

Dr Mohd Zabri Affendi Muhamad,
Pakar Perunding Bedah Otorhinolaringologi, Hospital Pakar KPJ Selangor

"Bersin ini adalah mekanisme pertahanan diri untuk mengeluarkan bahan iritasi dari hidung dan menghalangnya daripada memasuki paru-paru seterusnya mengganggu organ lain dalam badan.

"Menahan bersin menggangu gegendang telinga dan tekak adalah kes terpencil. Kes seumpama ini amat jarang berlaku, tetapi ia terpulang pada daya ketahanan seseorang individu," katanya.

Dorong sebar penyakit

Kebiasaannya beliau berkata, menahan bersin hanya akan menyebabkan ketidakselesaan, terutama kepada mereka yang mengalami masalah resdung atau sinus.

Pakar Otorhinolaringologi Hospital Putrajaya, Dr Fauziah Nasir, berkata bersin boleh mendorong kepada penyebaran penyakit melalui udara.

"Oleh itu, apabila bersin adalah lebih baik jika mulut dan hidung ditutup dengan kain atau tisu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DARI PAHANG

Hospital Taiping beri pendedahan teknologi rawatan

KUMPULAN Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) Hospital Taiping (HTPG), Perak melawat Jabatan Pengimejan & Diagnostik serta Klinik Diet yang disediakan untuk pesakit-pesakit HTPG, baru-baru ini.

Lawatan bagi memberikan input dan pengetahuan kepada ALPH yang baru dilantik supaya boleh disampaikan kepada orang awam. Peserta didedahkan kepada teknologi canggih MRI yang terdapat di sini. HTPG merupakan hospital kedua di negeri itu yang memiliki mesin dan menyediakan rawatan MRI.

Jabatan Pengimejan dan Diagnostik HTPG juga menyediakan perkhidmatan mesin ultrasound 3GE dan teknologi CT Scan yang terkini bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam lawatan ke Klinik Diet yang dikendalikan Jabatan Dietetik dan Sajian pula, ALPH diberi taklimat berhubung perkhidmatan konsultasi diet oleh pakar pemakanan kepada pesakit luar *(out patient)* yang dirujuk. Antara sebab pesakit dirujuk ke sini adalah kerana mengalami masalah obesiti, diabetes dan sebagainya.

Pengarah HTPG, Dr Narimah Yusof berharap, para ALPH yang dilantik dapat sama-sama menghebahkan kepada masyarakat berhubung perkhidmatan canggih yang telah disediakan untuk orang awam tersebut.

Kumpulan ALPH yang baru dilantik bersama kakitangan HTPG ketika membuat lawatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : DARI PAHANG

Taska ditutup, disyaki jangkitan HFMD

PADANG LUAS - Taska Permata Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) diarahkan tutup sementara waktu berikutan terdapat kanak-kanak yang disyaki dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pegawai Kemas, Razak Ahmad berkata, penutupan sementara itu berkuat kuasa semalam, selama 14 hari demi keselamatan kanak-kanak yang berdaftar di taska tersebut.

Menurutnya, sebelum ini, pihaknya dimaklumkan mengenai perkara oleh penyelia masyarakat Taska Permata terbabit, dan segera mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah.

"Pihak kesihatan mencadangkan taska ini ditutup demi keselamatan kanak-kanak yang lain, selain membolehkan siasatan dilakukan bagi mengetahui punca jangkitan.

"Jadi, sepanjang tempoh ini, pihak jabatan juga telah mengarahkan semua pemaju masyarakat melakukan kerja-kerja pembersihan di taska itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Taska Permata Kemas di Padang Luas ditutup sementara selama 14 hari berkuat kuasa semalam.

Difahamkan, terdapat 20 kanak-kanak yang telah mendaftar di taska itu pada tahun ini.

Razak berkata, berdasarkan laporan yang diterima, dua kanak-kanak disyaki dijangkiti HFMD, dan telah menerima surat daripada doktor.

"Tiga kanak-kanak lagi, demam tapi belum disyaki dijangkiti penyakit itu. Jadi, bagi tujuan keselamatan, adalah lebih baik mereka dikuarantin di rumah masing-masing," katanya.